



KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

---

### PASUKAN RESPONSP PANTAS TELAH JELASKAN 205 BERITA PALSU

Pasukan Respons Pantas (PRP) yang ditubuhkan pada 24 Mac 2020 setakat ini telah menjelaskan 205 berita palsu kepada orang ramai.

Berita palsu yang dijelaskan oleh PRP ialah berita-berita atau hebahan-hebahan yang melibatkan perkara seperti Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Bantuan Prihatin Nasional (BPN), Bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan hal-hal berhubung pandemik COVID-19 yang menjadi topik perbincangan dalam kalangan masyarakat.

PRP dianggotai oleh kakitangan Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dengan kerjasama Majlis Keselamatan Negara (MKN). Pasukan ini yang telah ditubuhkan pada 16 Mac yang lalu akan bekerja sepanjang PKP berkuatkuasa.

Fokus PRP adalah untuk memantau dan menjelaskan berita-berita mahupun hebahan-hebahan yang mencurigakan kesahihannya dan mendapatkan penjelasan daripada pihak-pihak terlibat agar berita dan hebahan tidak menyebabkan keresahan dan kebimbangan dalam kalangan rakyat.

Rakyat Malaysia dimohon untuk menyemak sebelum berkongsi berita yang tidak ditentukan kesahihannya. Untuk memastikan kesahihan berita orang ramai disarui untuk menyemak di portal Sebenarnya.my (<https://sebenarnya.my/>).

Duduklah di rumah, keraplah basuh tangan dan jarakkan diri satu meter.

**DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH**  
**MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA**  
**21 APRIL 2020**